

## UMS anjur Kempen Selamatkan Badak

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 16 November 2018 16:44 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 287

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 16 NOVEMBER** - Seramai 27 pelajar kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan kempen Selamatkan Badak (Save The Rhinoceros) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Takis, Papar, baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh kursus itu, program tersebut merupakan anjuran bersama kelab One Stop Borneo Wildlife dan SMK Takis dengan disertai 50 pelajar lepasan PT3 sekolah berkenaan.

“Selain meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para pelajar tentang spesies badak Sumatera di Sabah yang terancam dan kian pupus, kempen ini juga diadakan untuk meningkatkan jalinan kerjasama dan interaksi para pelajar UMS dengan organisasi luar sekali gus meningkatkan lagi kemahiran insaniah para pelajar.

“Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan, antaranya ceramah daripada wakil One Stop Borneo Wildlife, dan lima aktiviti yang disediakan kepada peserta seperti *Act and Guess*, *Kuiz*, *Nature Scavenger Hunt*, *Do It Rhino*, dan *Talent Time*,” demikian menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menekankan peri pentingnya kempen itu terus diadakan agar kesedaran terhadap perubahan ekosistem sentiasa diketahui dan mendapat perhatian ramai.

“Keprihatinan terhadap gangguan ekosistem yang berlaku di Sabah amat diperlukan agar spesies-spesies yang diancam kepupusan khususnya badak Sumatera masih boleh diselamatkan untuk tatapan generasi akan datang,” tambah kenyataan itu lagi.

Majlis perasmian kempen itu disempurnakan Pensyarah kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa, Marja Azlima Omar.